

**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN ASBi-KOP**

No. Daftar : \_\_\_\_\_

No. Pembiayaan : \_\_\_\_\_

**A. BUTIRAN PERMOHONAN**Jenis Pembiayaan  Pembiayaan Persendirian ASBi-KOPJumlah Pembiayaan RM  . Tempoh :  Bulan

Jumlah Dalam Perkataan \_\_\_\_\_

**B. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama

No. Ahli

No. Kad Kuasa (PDRM)

No. Kad Pengenalan Awam

Tarikh Lahir

No. Gaji

Pejabat Pembayar Gaji

Alamat Bertugas

  
  

No. Tel

Alamat Tempat Tinggal

  
  

No. Tel

Alamat E-mail

No. Telefon Bimbit

**C. PENGESAHAN PEMOHON**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa :-

1. Jumlah potongan gaji saya adalah tidak melebihi 60% daripada emolumen saya.
2. Jika permohonan saya ini diluluskan dan pemotongan bayaran ansuran dibuat, ianya adalah tidak mendatangkan kesulitan kepada saya.
3. Bersetuju yuran proses sebanyak **RM53.00** akan dikenakan dan membenarkan Koperasi memotong dari Yuran Simpanan saya bersama Koperasi.
4. Bersetuju membenarkan Koperasi memindahkan wang Pembiayaan kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai deposit pendahuluan bagi pelaburan unit ASB saya berdasarkan Program ASB i-KOP melalui Lampiran 2.
5. Saya adalah **BEBAS** dari sebarang tindakan tatatertib atau jenayah.
6. Saya adalah **TIDAK**, ditahan kerja / digantung kerja / dalam proses dibuang kerja / mempunyai masalah hutang yang serius / mufli / dikenakan tindakan mufli ke atas saya / mohon berhenti kerja.
7. Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di dalam penyata ini adalah benar serta lengkap.
8. Saya mengaku telah diterangkan dengan jelas akan perjalanan skim pembiayaan ASBi-KOP ini oleh pegawai KPDRM dan memahaminya.

9. Saya juga memahami bahawa permohonan Pembiayaan ASBi-KOP ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang seterusnya diperjelaskan lagi dalam Perjanjian Pembiayaan ini.
10. Pihak Koperasi berhak menolak permohonan saya pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.
11. Pihak Koperasi dan Bank juga berhak menarik balik segala kelulusan dan pembiayaan sekiranya maklumat-maklumat saya beri didapati tidak benar atau apa-apa sebab yang pihak Koperasi dan Bank fikirkan patut.

Saya juga dengan ini mengesahkan bahawa:-

Saya akan \*hadir untuk menguruskan sendiri/ melantik salah seorang kakitangan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad sebagai wakil saya, bagi menyempurnakan akad jualan dan akad belian yang berkaitan dengan pembiayaan yang saya pohon ini.

(\*potong yang mana tidak berkenaan)

Tarikh

H	H	B	B	T	T

\_\_\_\_\_  
 Nama :  
 No. Polis / KP :

**D. PENGESAHAN KETUA JABATAN** (Ketua Jabatan / Pegawai Pemerintah / Ketua Polis Daerah / Ketua Formasi)

(Sila Abaikan Ruangan Ini Sekiranya Permohonan Menerusi Kuota Ketua Jabatan Pengurusan/Ajutan/Ketua Bhg. Pentadbiran Daerah)

Ulasan dan pengesahan : \_\_\_\_\_

Yang Benar,

Tarikh

H	H	B	B	T	T

\_\_\_\_\_  
 Tandatangan Dan Cop Rasmi

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

Maklumat Pembiayaan :

- Kategori Pinjaman : \_\_\_\_\_
- Jenis Pinjaman : \_\_\_\_\_
  
- Yuran Proses : \_\_\_\_\_
- GST Atas Yuran Proses : \_\_\_\_\_
  
- Jumlah Permohonan : \_\_\_\_\_
- Tempoh Bayaran Balik : \_\_\_\_\_
- Kadar Pembiayaan : \_\_\_\_\_
  
- Jumlah Keuntungan : \_\_\_\_\_
- Jumlah Pembiayaan : \_\_\_\_\_
- Jumlah Bayaran Balik : \_\_\_\_\_

Catatan :

\_\_\_\_\_  
 (Proses Oleh)

\_\_\_\_\_  
 (Semakan Oleh)

\_\_\_\_\_  
 (KBKew / KPO)

**PERJANJIAN PEMBIAYAAN**  
**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

PERJANJIAN PEMBIAYAAN ini dibuat pada .....tahun ..... di antara KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (No. Koperasi: 74/1925), sebuah koperasi yang berdaftar di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di NO. 1, JALAN SULAIMAN, 50000 KUALA LUMPUR (selepas ini disebut sebagai "**Koperasi**") bagi satu pihak DAN Pihak yang disebut di dalam Seksyen 1 Jadual Pertama (selepas ini di rujuk sebagai "**Pelanggan**") bagi pihak yang lain.

(Koperasi dan Pelanggan secara sendirian akan disebut sebagai "**Pihak**" dan secara kolektif disebut sebagai "**Pihak-Pihak**")

**BAHAWASANYA**

1. Atas permohonan Pelanggan, Koperasi bersetuju memberi Kemudahan Pembiayaan dan Pelanggan bersetuju menerima Kemudahan Pembiayaan tersebut dan berakujanji untuk membayar kepada Koperasi secara bayaran tertangguh mengikut jumlah dan tempoh serta lain-lain syarat dan terma di dalam Perjanjian Pembiayaan ini.
2. Pelanggan bersetuju dan secara muktamad memberi kuasa kepada Koperasi bahawa Harga Belian Tunai untuk Kemudahan Pembiayaan ini akan dibayar terus kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") oleh Koperasi sebagai deposit pendahuluan kepada BMMB berdasarkan Program ASB i-KOP sebagai bayaran keuntungan perkhidmatan BMMB untuk tempoh tiga (3) tahun pertama bagi pelaburan unit ASB bagi pihak Pelanggan (selepas ini disebut sebagai "**ASB Pelanggan**") dengan jumlah dan tempoh serta terma yang dipersetujui dan juga tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian Pembiayaan ini.

**MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI** bahawa :-

**1. KONSEP**

Kemudahan Pembiayaan ini adalah di bawah Konsep Bai' Al'Inah di mana Koperasi akan menjual asetnya (selepas ini disebut sebagai "**Aset**" kepada Pelanggan secara bayaran tertangguh. Koperasi akan membeli aset Pelanggan seperti di Jadual Pertama secara tunai.

**2. HARGA JUALAN TERTANGGUH & REBAT (IBRA')**

Bayaran balik Harga Jualan Tertangguh (selepas ini disebut "**Bayaran Balik**") adalah seperti jumlah di Seksyen 2 Jadual Pertama Perjanjian Pembiayaan ini. Koperasi boleh mempertimbangkan pemberian rebat (ibra') ke atas Harga Jualan Tertangguh mengikut budibicara Koperasi kepada Pelanggan yang membuat penjelasan awal.

**3. HARGA BELIAN TUNAI**

Harga Belian Tunai oleh Koperasi adalah seperti di Seksyen 3 Jadual Pertama Perjanjian Pembiayaan ini.

**4. BAYARAN BALIK & GANTIRUGI LEWAT BAYAR (TA'WIDH)**

- (a) Pelanggan bersetuju dan berakujanji secara tidak terbatal akan membayar Bayaran Balik secara ansuran (selepas ini disebut sebagai "**Ansuran Bulanan**") untuk tempoh seperti yang dinyatakan di Seksyen 5 Jadual Pertama (selepas ini disebut sebagai "**Tempoh Bayaran**") dan mengikut cara yang telah ditetapkan.
- (b) Koperasi berhak mengenakan caj lewat bayar (Ta'widh) ke atas Bayaran Balik yang tidak diterima berpandukan kaedah-kaedah yang dibenar oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

**5. POTONGAN GAJI & PEMBAYARAN OLEH PELANGGAN**

- (a) Selaras dengan Klausula 4 di atas, Pelanggan bersetuju memberi kuasa secara tidak terbatal kepada Jabatan atau Majikan untuk menguruskan Ansuran Bulanan bagi Bayaran Balik melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada Koperasi sehingga Bayaran Balik dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian Pembiayaan ini diselesaikan sepenuhnya.
- (b) Kuasa yang diberi untuk memotong gaji tidak boleh ditarik balik dan hanya akan luput apabila jumlah Harga Jualan Tertangguh dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian Pembiayaan diselesaikan sepenuhnya.
- (c) Walau apapun yang dinyatakan di dalam (a) dan (b) di atas, Pelanggan hendaklah membuat bayaran sendiri kepada Koperasi sekiranya potongan gaji Pelanggan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji.
- (d) Masa penerimaan apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Pelanggan hendaklah dianggap berlaku pada masa Koperasi benar benar menerima pembayaran dari Pelanggan. Mana-mana pembayaran yang dibuat melalui cek / kad bayaran/ bank deraf dan lain-lain hendaklah dianggap sebagai telah diterima hanya selepas pembayaran tersebut masuk ke akaun oleh Koperasi.
- (e) Apabila apa-apa bayaran diterima daripada Pelanggan, Koperasi berhak untuk memperuntukkan pembayaran mengikut keutamaan dan budibicara Koperasi.
- (f) Jika Pelanggan membuat bayaran melalui mana-mana saluran pembayaran selepas Koperasi telah mengambil prosiding tindakan undang-undang / prosiding pelaksanaan Pelanggan bagi apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada Koperasi, bayaran tersebut adalah diterima atas dasar tanpa prejudis terhadap hak Koperasi untuk meneruskan dengan prosiding tindakan undang-undang / prosiding pelaksanaan terhadap Pelanggan.

**6. KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN / KEMATIAN / BERHENTI KERJA / MUFLIS**

- (a) Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Balik sebagaimana Klausula 4 di atas, Koperasi berhak dengan kuasa yang diberi untuk menuntut dan Pelanggan bersetuju secara tidak terbatal membenarkan Koperasi untuk menamatkan Perjanjian Pembiayaan ini dan menuntut Bayaran Balik tersebut daripada Akaun ASB Pelanggan. Koperasi seperti kebenaran yang diberikan oleh Pelanggan di Lampiran 1, berhak mengarahkan BMMB dengan segera melupuskan, mencairkan dan menjual sijil ASB Pelanggan di BMMB dan hasil jualan itu akan diselarasakan dan penyelesaian hutang Pelanggan kepada Koperasi. Sekiranya jumlah hutang Bayaran Balik tersebut masih berbaki selepas diambil dari Akaun ASB Pelanggan, Koperasi berhak pada bila-bila masa memotong daripada Modal Yuran dan/atau Modal Saham Pelanggan di Koperasi atau lain-lain mekanisme yang digunapakai oleh Koperasi untuk menjelaskan Bayaran Balik yang masih terutang.

..... (t/t Pelanggan)

- (b) Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, Koperasi berhak dengan kuasa yang diberi untuk menuntut dan Pelanggan bersetuju secara tidak terbatal membenarkan Koperasi untuk menamatkan Perjanjian Pembiayaan ini dan menuntut Bayaran Balik tersebut daripada Akaun ASB Pelanggan. Koperasi seperti kebenaran yang diberikan oleh Pelanggan di Lampiran 1, berhak mengarahkan BMMB dengan segera melupuskan, mencairkan dan menjual sijil ASB Pelanggan di BMMB dan hasil jualan itu akan diselarasakan dan penyelesaian hutang Pelanggan kepada Koperasi. Sekiranya jumlah hutang Bayaran Balik tersebut masih berbaki selepas diambil dari Akaun ASB Pelanggan, Koperasi berhak pada bila-bila masa memotong daripada Modal Yuran dan/atau Modal Saham Pelanggan di Koperasi atau lain-lain mekanisme yang digunakan oleh Koperasi untuk menjelaskan Bayaran Balik yang masih tertunggak.
- (c) Tertakluk kepada Klausula 6 (a) di atas, sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Balik disebabkan berhenti kerja / ditamatkan perkhidmatan / bolos/ menjadi muflis atau di atas sebab-sebab lain, maka Koperasi berhak untuk mendapatkan baki Bayaran Balik berserta yuran guaman, duti setem, fi, kos, perbelanjaan dan bayaran yang telah dibelanjakan oleh Koperasi untuk menguatkuasakan hak-hak atau remedi-remedi yang menjadi hak Koperasi serta kos untuk menuntut dan mendapatkan baki Bayaran Balik termasuk segala kos yuran guaman, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mahkamah dan sebagainya.
- (d) Hak menuntut oleh Koperasi adalah sejajar dengan Seksyen 6 Akta Had Masa 1953, akan bermula sehari selepas surat notis penamatan Perjanjian Pembiayaan ini dikeluarkan kepada Pelanggan dan tidak akan dikira dari tempoh sebarang tuntutan dibuat ke atas tunggakan bayaran dan / atau sebarang jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian Pembiayaan ini.

#### **7. KETERANGAN MUKTAMAD**

Satu Penyata Akaun yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Koperasi adalah merupakan dan dianggap sebagai satu keterangan yang muktamad dan konklusif terhadap bukti keberhutangan oleh Pelanggan dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.

#### **8. PINDAAN**

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa dan budi bicara untuk mengubah, menambah atau mengurangkan apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pembiayaan ini.

#### **9. NOTIS**

- (a) Tertakluk kepada Klausula 10, semua penghantaran notis-notis tuntutan dan sebagainya hendaklah dihantar melalui Pos Biasa kepada alamat-alamat yang terkandung di dalam Perjanjian Pembiayaan / Borang Permohonan Pembiayaan dan di dalam hal ini penyerahan notis tersebut adalah dianggap sebagai diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan.
- (b) Jika dalam mana-mana prosiding Mahkamah atau di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, maka dengan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa segala surat termasuk Writ Saman boleh diserahkan secara Pos Berdaftar kepada alamat-alamat yang ternyata di dalam Perjanjian Pembiayaan / Borang Permohonan Pembiayaan.

#### **10. PENUKARAN ALAMAT**

Alamat-alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan ini adalah tetap. Pihak-Pihak hendaklah memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat. Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberi notis penukaran alamat, Koperasi hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir dan/atau nombor yang terdapat dalam rekod Koperasi.

#### **11. PENGIKATAN**

Perjanjian ini adalah mengikat sebagai satu perjanjian berterusan terhadap pelanggan, waris-waris sah dan/atau pentadbir mereka di mana liabiliti di bawah perjanjian ini adalah berterusan terhadap mana-mana jumlah yang ternyata di dalam Penyata Akaun yang tersebut sebelum ini.

#### **12. SYARAT-SYARAT AM**

- (a) Pada setiap masa, Perjanjian Pembiayaan ini adalah satu perjanjian di antara Koperasi dan Pelanggan dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan ini.
- (b) Pelanggan bersetuju dan berakujanji untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khasnya berhubung dengan pembayaran Bayaran Balik dan pembiayaan yang diperoleh daripada Koperasi.
- (c) Pelanggan bersetuju dan berakujanji untuk membayar semua dan setiap ansuran daripada Bayaran Balik atau mana-mana bahagiannya tepat pada masa tanpa sebarang kelewatan, kelalaian atau kegagalan.
- (d) Bersetuju yuran proses sebanyak RM53.00 akan dikenakan dan membenarkan Koperasi memotong dari Yuran Simpanan bersama Koperasi.
- (e) Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi memindahkan wang Pembiayaan kepada BMMB sebagai deposit pendahuluan kepada BMMB sebagai pelaburan unit ASB berdasarkan Program ASB i-KOP melalui Lampiran 2.
- (f) Koperasi boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya menghendaki Pelanggan melakukan apa-apa perbuatan atau tindakan atau menguatkuasakan apa-apa borang atau dokumen, notis, pengesahan untuk tujuan menyempurnakan dan/atau mencairkan Sijil ASB Ahli dan Ahli hendaklah bertindak/ melakukan seperti yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.
- (g) Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi mengakses / mengemuka / menzahirkan segala data Pelanggan dari / kepada mana-mana sistem rujukan maklumat kredit apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pembiayaan ini.

..... (t/t Pelanggan)

- (h) Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan masih mempunyai hutang yang tertunggak atas apa apa sebab sekalipun, Koperasi berhak menyenaraikan butiran keberhutangan berkenaan ke dalam mana-mana sistem rujukan hutang elektronik awam. Kos menyenarai dan / atau menyah-senarai di dalam sistem ini adalah tanggungan Pelanggan.
- (i) Pelanggan bersetuju bahawa Koperasi dibenar menyerahkan hak atau memasuki surat ikatan penyerahan hak dengan mana-mana pihak tanpa memperoleh kebenaran daripada Pelanggan dan penyerahan hak ini tidak akan menjejaskan kesahihan Perjanjian Pembiayaan ini. Dalam hal ini, sekiranya Koperasi tidak lagi mempunyai kedudukan / nilai Usaha Berterusan (Going Concern), Pelanggan beraku janji untuk memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk membuat pembayaran ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada institusi kewangan yang mana berkaitan sehinggalah baki Harga Jualan Tertanggung dijelaskan sepenuhnya.
- (j) Pelanggan bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi sepenuhnya segala kerugian dan/atau kerosakan dan/atau risiko Koperasi secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan atau kelalaian atau kecuaiian Pelanggan untuk mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian Pembiayaan ini atau mana-mana bahagiannya.
- (k) Pelanggan dengan ini memberi representasi, waranti dan akujanji bahawa segala keterangan dan/atau dokumen sokongan yang dinyatakan di Borang Permohonan Pembiayaan ini dan Jadual dari lampiran adalah benar/tepat/tidak dipalsukan. Koperasi berhak untuk membatalkan Pembiayaan ini sekiranya didapati keterangan atau dokumen sokongan yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar/palsu. Dalam keadaan sedemikian, Pelanggan hendaklah membayar balik semua kos, bayaran dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang ditanggung oleh Koperasi.
- (l) Pelanggan bersetuju bahawa kesemua hak, remedi dan kuasa Koperasi adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif daripada hak-hak dan kuasa-kuasa Koperasi di bawah undang-undang dan ekuiti khasnya di bawah Akta Koperasi 1993.
- (m) Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pembiayaan ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan.
- (n) Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Jadual dari lampiran kepada Perjanjian Pembiayaan ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pembiayaan ini.
- (o) Segala terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini merupakan bukti konklusif terhadap hubungan kontrak di antara Pelanggan dan Koperasi dan oleh yang demikian, mana-mana perjanjian atau representasi yang dibuat secara lisan adalah dianggap tidak sah melainkan jika dipinda mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Perjanjian Pembiayaan ini.
- (p) Sebarang kegagalan atau kelewatan melaksanakan mana-mana syarat-syarat dan hak-hak di bawah Perjanjian Pembiayaan ini tidak akan merupakan satu pengabaian syarat-syarat dan hak-hak tersebut oleh pihak Koperasi.
- (q) Perjanjian Pembiayaan ini serta kesemua terma dan syaratnya harus ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.

Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pembiayaan ini sudah dibaca dan difahamkan segala isi kandungannya.

**DITANDATANGANI DI SINI OLEH KEDUA-DUA BELAH PIHAK :-**

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelanggan

Nama :

No. Polis / KP :

Saksi Pelanggan (Terdiri dari AJKKD/Anggota Lembaga/  
Pegawai Polis/Pegawai KPDRM) :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi Pelanggan

Nama :

No. Polis / KP :

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan b/p Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad

Nama :

No. KP :

Cop Rasmi/Jawatan

Saksi Koperasi (Pegawai Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad) :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi

Nama :

No. KP :

Tarikh :



**PEMBIAYAAN PELABURAN ASBi-KOP**

Jumlah Pembiayaan Dan Bayaran Balik

كوفراسي فوليس دراج مليسيا برحد  
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad



(Hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebagai bahagian penting kepada Perjanjian Pembiayaan ini)

**Seksyen**

**Perkara**

1	Nama	<input type="text"/>
	No. KP	<input type="text"/>
	No. Polis	<input type="text"/>
	No. Anggota	<input type="text"/>
	Alamat	<input type="text"/>

(Sila Tandakan ✓ )

	<input type="checkbox"/> <u>Pakej Penuh</u>	<input type="checkbox"/> <u>Pakej Separuh</u>
2	Harga Jualan Tertanggung RM 13,119.75	RM 6,559.88
3	Harga Belian Tunai RM 10,500.00	RM 5,250.00
4	Ansuran Bulanan RM 218.66	RM 109.33
5	Tempoh 60 Bulan	60 Bulan

Saya bersetuju menerima pembiayaan berjumlah seperti di Borang Permohonan Pembiayaan dan berakujanji untuk membayar Jumlah Bayaran Balik (bersamaan Harga Jualan Tertanggung) secara bayaran tertanggung mengikut jumlah Ansuran Bulanan dan Tempoh seperti di Jadual ini.

Nama : .....

No. Polis : .....

No. KP : .....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....





Nama .....  
Alamat .....  
.....  
.....  
Tarikh .....

---

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No.1, Jalan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

**SURAT KEBENARAN MENJUAL UNIT ASB DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

**NO. PEMBIAYAAN:**

---

Di atas persetujuan pihak Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad ("KPDRM") untuk menerima arahan potongan gaji saya secara tidak terbatal bagi bayaran balik pembiayaan peribadi ("Pembiayaan) untuk Program ASB i-KOP berdasarkan Perjanjian Pembiayaan bertarikh \_\_\_\_\_ ("Perjanjian Pembiayaan"), saya yang bertandatangan di bawah dengan ini bersetuju sekiranya saya meninggal dunia atau potongan gaji saya tidak dapat dibuat dan/atau saya gagal, enggan atau ingkar menjelaskan bayaran balik Pembiayaan tersebut untuk tempoh tiga (3) bulan berturut-turut, dengan ini membenarkan pihak KPDRM untuk menjual unit ASB saya di Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") dan hasil jualan itu beserta segala dividen dan simpanan yang terdapat di dalam akaun tersebut hendaklah digunakan untuk tujuan berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Pelarasan dan/atau membayar apa-apa hutang/tunggakan kepada KPDRM berdasarkan terma dan syarat Perjanjian Pembiayaan;
- b) Membayar apa-apa hutang/tunggakan kepada BMMB; dan/atau
- c) Membayar apa-apa fi perkhidmatan (jika ada).

2. Sekiranya terdapat lebih setelah ditolak segala hutang/tunggakan di bawah (a), (b) dan (c) di atas maka jumlah baki tersebut hendaklah dikreditkan ke akaun simpanan saya di BMMB.

3. Sekiranya masih terdapat baki hutang/tunggakan kepada KPDRM, maka saya bersetuju dan berakujanji untuk membayar kepada KPDRM tertakluk kepada syarat dan terma di dalam Perjanjian Pembiayaan.

4. Saya sedia maklum akibat daripada transaksi ini yang dilakukan oleh KPDRM bagi pihak saya. Saya mengaku akan bertanggungjawab di atas tindakan memberi kebenaran ini dan tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap KPDRM atau Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Sekian terima kasih.

Yang Benar

Disaksikan oleh :  
Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad

.....  
Nama :  
Tarikh :

.....  
Nama :  
No. KP :  
Tarikh :



Nama .....  
Alamat .....  
.....  
.....  
Tarikh .....

---

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No.1, Jalan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

**SURAT ARAHAN PEMINDAHAN WANG PEMBIAYAAN KEPADA BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

Merujuk kepada Perjanjian Pembiayaan bertarikh .....

2. Saya dengan ini mengarahkan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (“KPDRM”) untuk memindahkan wang yang diperolehi daripada Pembiayaan di atas, kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad
3. Saya bersetuju untuk menanggung segala kerugian yang akan berlaku di atas arahan saya ini selagi pihak KPDRM telah melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya.

Sekian terima kasih.

Yang Benar

Disaksikan oleh :  
Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad

.....  
Nama :

Tarikh :

.....  
Nama :

No. KP :

Tarikh :



Nama .....  
Alamat .....  
.....  
.....  
Tarikh .....

---

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No.1, Jalan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

**SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI OLEH KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (“KPDRM”) BAGI BAYARAN SIMPANAN TABUNGAN BULANAN KE AKAUN ASB DEPOSIT AKAUN (“ADA”) BAGI TUJUAN PEMBIAYAAN ASB DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (“BMMB”)**

**NO. AKAUN PEMBIAYAAN:**

---

Merujuk perkara di atas, saya yang bertandatangan di bawah ingin memaklumkan kepada pihak tuan bahawa saya faham dan setuju dengan terma-terma serta syarat-syarat Pembiayaan ASB di BMMB untuk Program ASB i-KOP.

2. Dengan ini, saya juga bersetuju dan memberi kuasa secara tidak terbatal kepada pihak KPDRM untuk membuat potongan gaji bulanan saya bagi tujuan Simpanan Tabungan Bulanan ASB untuk mengurangkan jumlah Pembiayaan ASB saya di BMMB untuk Program ASB i-KOP sebanyak RM\_\_\_\_\_ sebulan sehingga tamat tempoh Pembiayaan ASB saya di BMMB untuk tempoh Enam Puluh (60) bulan (“Tempoh Potongan”) bermula dari \_\_\_\_\_.

3. Saya akan pastikan bahawa potongan gaji saya untuk bayaran Simpanan Tabungan Bulanan ASB ini akan dibuat setiap bulan tanpa gagal untuk sepanjang Tempoh Potongan sehingga Pembiayaan ASB saya di BMMB tamat. Sekiranya potongan gaji saya gagal dibuat dan/atau saya gagal untuk membuat pembayaran bagi tujuan di atas maka saya bersetuju dengan sebarang akibat daripada tindakan tersebut.

Sekian terima kasih.

Yang Benar

Disaksikan oleh :  
Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad

.....  
Nama :

Tarikh :

.....  
Nama :

No. KP :

Tarikh :





## LEMBARAN SEMAKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN (CHECKLIST)

Bagi melicinkan tugas memproses permohonan pembiayaan, pemohon adalah diminta memastikan borang adalah lengkap diisi dan semua dokumen sokongan disertakan dengan berpandukan kepada senarai berikut:-

Sila tandakan ( ✓ ) pada ruangan yang berkaitan

1. **Bahagian A** : Butiran Permohonan   
Telah diisikan jumlah permohonan pembiayaan, tempoh serta jumlah pembiayaan dalam perkataan.
2. **Bahagian B** : Maklumat Pemohon   
Maklumat adalah telah dilengkapkan sepenuhnya.
3. **Bahagian C** : Pengesahan Pemohon   
Sila baca pengakuan sebagaimana di Bahagian C dan turunkan tandatangan bagi mengesahkan pengakuan yang dibuat.
4. **Bahagian D** : Pengesahan Ketua Jabatan   
Sila dapatkan tandatangan pengesahan dan Cop Rasmi dari Ketua Jabatan / Pegawai Pemerintah / Ketua Polis Daerah / Ketua Formasi / Ketua Bahagian / Ketua Cawangan dimana pemohon bertugas. Tanpa tandatangan pengesahan di Bahagian E, permohonan TIDAK akan diproses.
5. **Perjanjian Pembiayaan**   
Sila baca Perjanjian Pembiayaan dan seterusnya menurunkan tandatangan di setiap mukasurat dokumen perjanjian tersebut serta dapatkan tandatangan saksi.
6. **Jadual Pertama** : Pembiayaan Pelaburan ASBi-KOP   
Telah diisikan maklumat diri serta pilihan pembiayaan dan seterusnya telah ditandatangani di ruangan yang disediakan.
7. **Lampiran 1** : Surat Kebenaran Menjual Unit ASB di BMMB   
Telah diisikan maklumat diri serta ditandatangani di ruangan yang disediakan.
8. **Lampiran 2** : Surat Arahan Pemindahan Wang Pembiayaan Ke BMMB   
Telah diisikan maklumat diri serta ditandatangani di ruangan yang disediakan.
9. **Surat Kebenaran** : Surat Kebenaran Potongan Gaji Oleh KPDRM Sebagai Simpanan   
Telah diisikan maklumat diri serta ditandatangani di ruangan yang disediakan.
10. Sertakan Dokumen Sokongan Yang Berikut:-
  - a. Penyata / Slip Gaji Terkini
  - b. Salinan Kad Kuasa Polis
  - c. Salinan Kad Pengenalan Awam
  - d. Borang Opsyen Perkhidmatan (jika berusia 50 tahun ke atas)